



26 September 2024
26 September 2024
P.U. (A) 255

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN)
(AMALAN DAN ETIKA PEGUAM SYARIE) 2024

*SYARIE LEGAL PROFESSION
(FEDERAL TERRITORIES) (PRACTICE AND
ETIQUETTE OF PEGUAM SYARIE) RULES 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (AMALAN DAN ETIKA PEGUAM SYARIE) 2024

SUSUNAN KAEDAH

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Obligasi Peguam Syarie
3. Aku janji kepada mahkamah syariah
4. Kewajipan memberikan nasihat
5. Peguam Syarie tidak boleh menerima pelantikan
6. Larangan menerima saraan atas sifat sebagai Ahli Parlimen, dsb.
7. Pembelaan hendaklah dijalankan secara adil dan terhormat
8. Peguam Syarie apabila menjalankan pendakwaan
9. Fi Peguam Syarie
10. Larangan untuk menjalankan kes dengan niat melengahkan prosiding, dsb.
11. Larangan bertanyakan soalan yang menghina atau menyakitkan hati
12. Soalan yang tidak relevan dengan kes tidak boleh ditanya
13. Kewajipan untuk mempertahankan kepentingan anak guam, keadilan dan maruah profesion
14. Tiada perdayaan terhadap mahkamah syariah
15. Kewajipan untuk bertindak dengan jujur, berbudi bahasa dan adil
16. Fakta yang tidak boleh dirujuk
17. Kewajipan membawa ke hadapan mahkamah syariah apa-apa keputusan yang berkaitan
18. Larangan memetik secara salah kandungan kertas kausa, dsb.
19. Kewajipan menarik perhatian mahkamah syariah tentang apa-apa pendapat undang-undang, dsb.
20. Kewajipan memaklumkan anggaran tempoh perbicaraan dan kemungkinan penyelesaian
21. Peguam Syarie hendaklah bersedia untuk perbicaraan

Kaedah

22. Kewajipan menzahirkan semua hal keadaan kepada anak guam
23. Peguam Syarie tidak boleh mengelirukan
24. Sekatan mengenai kehadiran
25. Peguam Syarie tidak boleh memberi keterangan bagi pihak anak guam
26. Jubah khas Peguam Syarie
27. Kewajipan mempertahankan maruah profesion
28. Perasaan anak guam tidak boleh mempengaruhi kelakuan Peguam Syarie, dsb.
29. Pihak yang satu lagi dan saksinya hendaklah dilayan dengan adil dan bertimbang rasa
30. Peguam Syarie boleh menemu duga saksi bagi pihak yang satu lagi
31. Kewajipan tidak menyalahgunakan kepercayaan anak guam
32. Kewajipan menghalang anak guam daripada melakukan kelakuan salah terhadap mahkamah syariah, dsb.
33. Sekatan daripada menjadi penjamin, dsb.
34. Larangan berkomunikasi dengan orang yang diwakili oleh Peguam Syarie yang lain
35. Membangkitkan perselisihan dan litigasi adalah dilarang
36. Larangan menjalankan apa-apa tred secara aktif
37. Meminta-minta pelaporan
38. Mencari pelanggan
39. Tiada pembahagian kos atau keuntungan, dsb.
40. Larangan hadir bagi pihak yang diwakili oleh Peguam Syarie yang lain
41. Lien Peguam Syarie
42. Bantahan terhadap kebolehterimaan dokumen yang tidak disetem dengan cukup
43. Tiada pejabat cawangan tanpa Peguam Syarie
44. Penggunaan "perunding"
45. Dokumen yang difailkan tidak boleh diberikan kepada pihak media sebelum pendengaran
46. Peguam Syarie tidak boleh dikawal atau dieksploitasi
47. Larangan membuat kenyataan yang menghina Islam
48. Penggunaan nama firma

AKTA PROFESION GUAMAN SYARIE (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 2019

KAEDAH-KAEDAH PROFESION GUAMAN SYARIE
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (AMALAN DAN ETIKA PEGUAM SYARIE) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Akta Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 [*Akta 814*], Majlis Peguam Syarie, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Amalan dan Etika Peguam Syarie) 2024**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 27 September 2024.

Obligasi Peguam Syarie

2. (1) Seseorang Peguam Syarie hendaklah, pada setiap masa, bertindak dengan jujur dan demi kepentingan keadilan dan menggunakan usaha yang munasabah dalam menunaikan kewajipannya.

(2) Seseorang Peguam Syarie hendaklah berusaha untuk menambah baik dan meningkatkan pengetahuan mengenai Hukum Syarak dan undang-undang untuk memastikan bahawa kewajipannya dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

(3) Seseorang Peguam Syarie hendaklah mengekalkan sikap hormat terhadap mahkamah syariah.

Aku janji kepada mahkamah syariah

3. Seseorang Peguam Syarie berkewajipan untuk—

(a) mematuhi apa-apa aku janjinya kepada mahkamah syariah; dan

- (b) setakat yang keadaan itu berada dalam kawalannya, memastikan bahawa anak guamnya mematuhi apa-apa janji anak guamnya kepada mahkamah syariah.

Kewajipan memberikan nasihat

4. Seseorang Peguam Syarie yang telah menerima apa-apa pelantikan atas kapasitinya sebagai Peguam Syarie mempunyai kewajipan untuk memberikan nasihat mengenai hal perkara yang pelantikan itu berkaitan tertakluk kepada fi profesional yang dipersetujui dengan anak guam.

Peguam Syarie tidak boleh menerima pelantikan

5. (1) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh menerima apa-apa pelantikan jika—
- (a) pelantikan itu akan menyebabkan Peguam Syarie dalam keadaan serba salah kerana—
 - (i) maklumat sulit berkaitan dengan perkara itu ada dalam milikannya akibat daripada perwakilan anak guamnya yang lain sebelumnya dalam hal perkara yang sama; atau
 - (ii) Peguam Syarie itu mempunyai hubungan peribadi dengan mana-mana pihak atau saksi dalam prosiding itu;
 - (b) Peguam Syarie itu mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kelakuan profesionalnya mungkin dipersoalkan; atau
 - (c) penerimaan itu menyebabkan atau mungkin menyebabkan kesukaran kepada Peguam Syarie itu untuk mengekalkan kebebasan profesionalnya atau bertentangan dengan kepentingan terbaik pentadbiran keadilan.

(2) Seseorang Peguam Syarie yang telah pada bila-bila masa menerima pelantikan, menasihati atau bertindak bagi suatu pihak berkenaan dengan pemulaan apa-apa guaman, rayuan atau prosiding lain, pendakwaan atau pembelaan tidak boleh bertindak bagi pihak lawan dalam guaman, rayuan, prosiding lain, pendakwaan atau pembelaan itu.

(3) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh menerima apa-apa pelantikan melainkan jika dia dengan munasabahnya pasti bahawa dia dapat hadir dan mewakili anak guam itu pada hari yang dikehendaki hadir.

(4) Seseorang Peguam Syarie, yang telah menerima pelantikan daripada seseorang anak guam, tidak boleh menarik diri daripada bertindak bagi anak guam itu tanpa sebab yang munasabah.

Larangan menerima saraan atas sifat sebagai Ahli Parlimen, dsb.

6. (1) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh menerima apa-apa saraan, selain saraan dan elaun yang dia berhak sebagai seorang Ahli Parlimen di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 [*Akta 237*] atau sebagai seorang Ahli Dewan Undangan Negeri di bawah mana-mana enakmen Negeri, bagi apa-apa yang dilakukan olehnya atas sifatnya sebagai seorang Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri.

(2) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh, tanpa persetujuan bertulis Majlis Peguam Syarie, memegang jawatan pengarah eksekutif atau setiausaha eksekutif sesebuah syarikat.

Pembelaan hendaklah dijalankan secara adil dan terhormat

7. Seseorang Peguam Syarie yang menjalankan pembelaan dalam mana-mana kes jenayah syariah hendaklah, secara adil dan terhormat, mengemukakan tiap-tiap pembelaan yang dibenarkan mengikut undang-undang.

Peguam Syarie apabila menjalankan pendakwaan

8. Apabila diberi kuasa untuk menjalankan pendakwaan jenayah syariah, seseorang Peguam Syarie—

- (a) hendaklah berbuat sedemikian dengan niat untuk menegakkan keadilan kepada mangsa dan pada masa yang sama menghormati hak tertuduh; dan
- (b) tidak boleh menahan apa-apa material atau keterangan yang boleh membuktikan tertuduh tidak bersalah.

Fi Peguam Syarie

9. Dalam menentukan amaun fi Peguam Syarie, seseorang Peguam Syarie hendaklah mengambil kira semua hal keadaan yang relevan, dan terutamanya kepada—

- (a) tenaga, kemahiran, pengetahuan khusus dan tanggungjawab yang dikehendaki daripada, dan masa dan tenaga pekerja yang digunakan oleh, Peguam Syarie itu;
- (b) kerumitan kausa atau perkara yang berbangkit dan kesukaran atau kebaharuan persoalan yang terlibat;
- (c) sama ada pelantikan itu akan menghalang kehadirannya bagi perkara atau kes lain yang dia mempunyai peluang yang munasabah untuk dilantik;
- (d) bilangan dan kepentingan dokumen yang disediakan atau diteliti;
- (e) caj lazim profesion bagi perkhidmatan yang serupa;
- (f) jika melibatkan wang atau harta, amaun atau nilainya;
- (g) manfaat dan kepentingan kausa atau perkara itu kepada anak guam;
- (h) sifat pekerjaan itu, sama ada biasa atau untuk anak guam yang terkenal; dan

(i) jawatan khas atau kekananan Peguam Syarie itu.

Larangan untuk menjalankan kes dengan niat melengahkan prosiding, dsb.

10. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh menjalankan kes dengan niat semata-mata untuk melengahkan prosiding atau untuk mengganggu atau menyakitkan hati pihak lawan.

Larangan bertanyakan soalan yang menghina atau menyakitkan hati

11. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh bertanyakan apa-apa soalan yang diniatkan untuk menghina atau menyakitkan hati dalam mana-mana prosiding dan hendaklah menggunakan pertimbangannya sendiri tentang isi dan bentuk soalan yang hendak ditanya.

Soalan yang tidak relevan dengan kes tidak boleh ditanya

12. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh—

(a) bertanyakan soalan yang menjejaskan kebolehpercayaan orang yang memberi keterangan dengan mencela wataknya yang tidak berkaitan dengan kes melainkan jika Peguam Syarie itu mempunyai alasan yang munasabah untuk berpendapat bahawa kaitan itu berasas dan benar; dan

(b) bertanyakan soalan yang berkaitan dengan perkara yang sangat jauh dari segi masa atau yang sifatnya tidak akan menjejaskan kebolehpercayaan seseorang saksi secara material.

Kewajipan untuk mempertahankan kepentingan anak guam, keadilan dan maruah profesion

13. Seseorang Peguam Syarie yang hadir di hadapan mahkamah syariah hendaklah bertindak tanpa rasa takut untuk mempertahankan kepentingan anak guamnya, kepentingan keadilan dan maruah profesion tanpa mengambil kira apa-apa akibat yang tidak menyenangkan sama ada kepada dirinya atau mana-mana orang lain.

Tiada perdayaan terhadap mahkamah syariah

14. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh melakukan apa-apa perdayaan terhadap mahkamah syariah.

Kewajipan untuk bertindak dengan jujur, berbudi bahasa dan adil

15. Seseorang Peguam Syarie yang hadir di hadapan mahkamah syariah mempunyai kewajipan untuk bertindak dengan jujur, berbudi bahasa dan adil terhadap mahkamah syariah itu dan Peguam Syarie yang lain.

Fakta yang tidak boleh dirujuk

16. Apabila menjalankan suatu kes di mahkamah syariah, seseorang Peguam Syarie tidak boleh merujuk kepada apa-apa fakta dalam kes itu yang tidak dapat dibuktikan.

Kewajipan membawa ke hadapan mahkamah syariah apa-apa keputusan yang berkaitan

17. Seseorang Peguam Syarie hendaklah membawa ke hadapan mahkamah syariah apa-apa keputusan yang berkaitan yang dia ketahui, sama ada yang menyokong atau menentang pendapatnya, terutamanya dalam prosiding *ex-parte*.

Larangan memetik secara salah kandungan kertas kausa, dsb.

18. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh—

- (a) dengan diketahuinya memetik secara salah kandungan suatu kertas kausa atau dokumen, testimoni seseorang saksi, hujahan Peguam Syarie pihak yang satu lagi atau bahasa suatu keputusan atau buku teks;
- (b) dengan mengetahui ketaksahannya, memetik sebagai autoriti suatu keputusan yang telah diputuskan selainnya oleh mahkamah syariah yang lebih tinggi atau suatu undang-undang yang telah dipinda atau yang telah diisytiharkan sebagai tidak sah; atau

- (c) memperdaya mahkamah syariah atau Peguam Syarie pihak yang satu lagi dengan menyembunyikan atau menahan dalam ucapan pembukaannya pendirian yang akan diambil olehnya.

Kewajipan menarik perhatian mahkamah syariah tentang apa-apa pendapat undang-undang, dsb.

19. (1) Jika seseorang Peguam Syarie, pada bila-bila masa selepas saksi selesai memberikan keterangannya dan Peguam Syarie itu telah menutup kesnya tetapi sebelum mahkamah syariah memberikan penghakiman, mendapati suatu pendapat undang-undang atau keputusan undang-undang yang berkaitan dengan kes itu, Peguam Syarie itu hendaklah menarik perhatian mahkamah syariah mengenai perkara itu melalui suatu pemberitahuan secara bertulis.

(2) Sesalinan pemberitahuan yang disebut dalam subkaedah (1) hendaklah juga dihantar kepada Peguam Syarie yang mewakili pihak yang satu lagi dalam prosiding itu untuk ulasannya, sekiranya perlu.

Kewajipan memaklumkan anggaran tempoh perbicaraan dan kemungkinan penyelesaian

20. Seseorang Peguam Syarie hendaklah memaklumkan mahkamah syariah maklumat mengenai anggaran tempoh perbicaraan bagi suatu kes dan kemungkinan penyelesaian.

Peguam Syarie hendaklah bersedia untuk perbicaraan

21. (1) Seseorang Peguam Syarie hendaklah berusaha untuk bersedia untuk perbicaraan pada hari yang ditetapkan.

(2) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh memohon penangguhan suatu kes yang ditetapkan untuk perbicaraan melainkan jika—

- (a) Peguam Syarie itu telah menyampaikan notis tentang niatnya untuk membuat permohonan itu kepada pihak yang satu lagi atau Peguam Syarie yang mewakili pihak yang satu lagi dalam prosiding itu sekurang-kurangnya empat puluh lapan jam sebelum tarikh perbicaraan

itu; dan

(b) permohonan itu dibuat dengan alasan yang kuat dan meyakinkan.

Kewajipan menzahirkan semua hal keadaan kepada anak guam

22. Seseorang Peguam Syarie hendaklah, apabila dilantik oleh anak guam, menzahirkan kepada anak guam itu semua hal keadaan tentang hubungannya dengan pihak-pihak, dan apa-apa kepentingan yang berkaitan dengan kes atau perkara itu, yang boleh mempengaruhi anak guam itu dalam pemilihan peguam.

Peguam Syarie tidak boleh mengelirukan

23. Ketika menjalankan prosiding di mahkamah syariah, seseorang Peguam Syarie tidak boleh menyembunyikan apa-apa fakta atau keterangan atau membuat apa-apa pernyataan yang cenderung boleh mengelirukan mahkamah syariah atau mana-mana pihak kepada prosiding itu.

Sekatan mengenai kehadiran

24. (1) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh hadir dalam mana-mana kes atau perkara yang—

(a) dia mempunyai apa-apa kepentingan, yang bersifat kewangan atau selainnya, secara langsung; atau

(b) melainkan jika dibenarkan oleh mahkamah syariah, dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dia berpotensi untuk menjadi seorang saksi berkenaan dengan suatu persoalan fakta yang material dan dipertikaikan.

(2) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh hadir di hadapan suatu mahkamah syariah yang melaksanakan bidang kuasa rayuan, pengawasan atau penyemakannya berkenaan dengan kes yang disebut dalam perenggan (1)(b).

(3) Kaedah ini tidak menghalang seseorang Peguam Syarie daripada bersumpah atau mengesahkan suatu affidavit tentang fakta formal atau yang tidak dipertikaikan dalam perkara yang dia bertindak atau hadir.

Peguam Syarie tidak boleh memberi keterangan bagi pihak anak guam

25. Peguam Syarie yang hadir dalam mana-mana kausa tidak boleh, melainkan jika dibenarkan oleh mahkamah syariah, memberi keterangan bagi pihak anak guamnya dalam kausa itu.

Jubah khas Peguam Syarie

26. (1) Seseorang Peguam Syarie yang hadir sendiri sebagai suatu pihak atau yang berada di dalam kandang saksi tidak boleh memakai jubah khas bagi Peguam Syarie.

(2) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh memakai jubah khas bagi Peguam Syarie di tempat awam selain di dalam mahkamah syariah atau dalam perjalanan pergi atau balik dari mahkamah syariah kecuali dalam upacara yang beristiadat dan di tempat sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Majlis Peguam Syarie atau mahkamah syariah.

Kewajipan mempertahankan maruah profesion

27. Tiap-tiap Peguam Syarie hendaklah sentiasa mempertahankan maruah dan reputasi profesion.

Perasaan anak guam tidak boleh mempengaruhi kelakuan Peguam Syarie, dsb.

28. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh membenarkan perasaan anak guamnya mempengaruhi kelakuan dan tingkah lakunya terhadap anak guamnya atau terhadap pihak-pihak dan saksi dalam suatu kes.

Pihak yang satu lagi dan saksinya hendaklah dilayan dengan adil dan bertimbang rasa

29. Seseorang Peguam Syarie hendaklah melayan pihak yang satu lagi dan saksinya dengan adil dan bertimbang rasa dan tidak dipengaruhi oleh niat jahat atau prasangka seseorang anak guam dalam menjalankan suatu kes.

Peguam Syarie boleh menemu duga saksi bagi pihak yang satu lagi

30. (1) Seseorang Peguam Syarie boleh menemu duga mana-mana saksi atau bakal saksi bagi pihak lawan dalam mana-mana perkara mal atau jenayah syariah tanpa persetujuan pihak lawan itu atau Peguam Syarienyanya dengan syarat bahawa suatu notis tentang temu duga itu diberikan kepada pihak lawan itu atau Peguam Syarienyanya sebelum temu duga itu.

(2) Dalam menjalankan temu duga yang disebut dalam subkaedah (1), Peguam Syarie hendaklah mengelakkan apa-apa saranan yang dikira akan mendorong saksi itu menghalang atau menyimpang daripada kebenaran.

Kewajipan tidak menyalahgunakan kepercayaan anak guam

31. (1) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh menyalahgunakan atau mengambil kesempatan atas kepercayaan yang diberikan oleh anak guam bagi kepentingan atau keuntungan peribadinya.

(2) Seseorang Peguam Syarie hendaklah memelihara kepercayaan anak guamnya dan kewajipan ini hendaklah kekal tanpa mengira bahawa Peguam Syarie itu tidak lagi mewakili anak guam itu.

Kewajipan menghalang anak guam daripada melakukan kelakuan salah terhadap mahkamah syariah, dsb.

32. (1) Seseorang Peguam Syarie hendaklah menjalankan segala usaha yang munasabah untuk menghalang anak guamnya daripada melakukan perkara yang Peguam Syarie itu sendiri tidak patut lakukan, terutamanya berkenaan dengan kelakuan anak guamnya terhadap mahkamah syariah dan pegawai kehakiman, saksi dan pihak-pihak.

(2) Jika seseorang anak guam berkeras hendak melakukan perbuatan salah yang disebut dalam subkaedah (1), Peguam Syarie itu hendaklah menamatkan hubungan Peguam Syarie dengan anak guam itu.

Sekatan daripada menjadi penjamin, dsb.

33. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh menjadi seorang penjamin atau bailor bagi anak guamnya yang dikehendaki bagi maksud apa-apa prosiding undang-undang.

Larangan berkomunikasi dengan orang yang diwakili oleh Peguam Syarie yang lain

34. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh berkomunikasi dengan seseorang mengenai apa-apa perkara berkenaan dengan orang itu, yang dalam pengetahuannya, diwakili oleh Peguam Syarie yang lain kecuali dengan keizinan, dan dengan kehadiran, Peguam Syarie yang lain itu.

Membangkitkan perselisihan dan litigasi adalah dilarang

35. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh memberikan nasihat untuk membawa suatu tindakan atau untuk membangkitkan perselisihan dan litigasi.

Larangan menjalankan apa-apa tred secara aktif

36. (1) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh secara aktif menjalankan apa-apa tred yang diisytiharkan oleh Majlis Peguam Syarie dari semasa ke semasa sebagai tidak sesuai bagi Peguam Syarie untuk mengambil bahagian atau menjadi seorang rakan kongsi aktif atau pegawai bergaji yang berkaitan dengan tred itu.

(2) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh menjadi pekerja bergaji sepenuh masa bagi mana-mana orang atau firma, selain sebagai Peguam Syarie atau firma Peguam Syarie, atau perbadanan selagi Peguam Syarie itu terus menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie.

(3) Mana-mana Peguam Syarie yang melakukan pekerjaan yang disebut dalam subkaedah (2) hendaklah memberitahu Majlis Peguam Syarie tentang fakta itu dan hendaklah mengambil langkah untuk berhenti menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie sekiranya dia terus berada dalam pekerjaan itu.

(4) Walau apa pun kaedah ini, seseorang Peguam Syarie tidak dilarang daripada menjalankan amalan sebagai peguam bela dan peguam cara semasa dia beramal sebagai Peguam Syarie.

Meminta-minta pelaporan

37. (1) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh meminta-minta pelaporan mengenai apa-apa perkara yang dia telah diguna khidmat secara profesional.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), seseorang Peguam Syarie boleh menimbang dan menyemak laporan mengenai kes yang dia telah diguna khidmat secara profesional bagi memastikan ketepatan laporan itu.

Mencari pelanggan

38. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh melakukan atau menyebabkan atau membenarkan dilakukan apa-apa perkara bagi maksud mencari pelanggan secara langsung atau secara tidak langsung, atau yang dikira sebagai menunjukkan bahawa ia dilakukan bagi maksud itu.

Tiada pembahagian kos atau keuntungan, dsb.

39. (1) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh—

- (a) membahagikan atau bersetuju untuk membahagikan kos yang diterima atau keuntungan urusannya dengan mana-mana orang tidak berkeelayakan;
- (b) membayar, memberi, bersetuju untuk membayar atau bersetuju untuk memberi apa-apa komisen, ganjaran atau balasan berharga kepada mana-mana orang tidak berkeelayakan untuk mendapatkan atau menggunakan pengaruhnya untuk mendapatkan atau kerana telah mendapatkan atau menggunakan pengaruhnya untuk mendapatkan apa-apa urusan undang-undang; atau
- (c) menerima atau bersetuju untuk menerima kurang daripada skala fi yang ditetapkan oleh undang-undang berkenaan dengan urusan bukan pertikaian yang dijalankan olehnya kecuali bagi apa-apa sebab khusus yang caj tidak dikenakan langsung.

(2) Perenggan (1)(b) tidak melarang pembayaran bonus biasa kepada kakitangan.

Larangan hadir bagi pihak yang diwakili oleh Peguam Syarie yang lain

40. Jika dalam apa-apa perkara atau prosiding, nama mana-mana Peguam Syarie atau nama firmannya terdapat dalam rekod yang mewakili mana-mana pihak, atau seseorang Peguam Syarie diketahui bertindak bagi suatu pihak dalam suatu perkara, sama ada di mahkamah syariah atau tidak, tiada Peguam Syarie lain boleh dengan diketahuinya bersetuju untuk hadir atau bertindak atau terus hadir atau bertindak bagi pihak itu dalam perkara atau prosiding itu.

Lien Peguam Syarie

41. Kecuali bagi maksud melindungi pembayaran bagi liennya yang terdahulu, seseorang Peguam Syarie tidak boleh menahan kertas anak guam sehingga menjejaskan anak guam itu.

Bantahan terhadap kebolehterimaan dokumen yang tidak disetem dengan cukup

42. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh membantah kebolehterimaan apa-apa dokumen atas alasan bahawa ia tidak disetem atau tidak disetem dengan cukup melainkan jika bantahan itu berhubung dengan intipati hal perkara atau guaman itu.

Tiada pejabat cawangan tanpa Peguam Syarie

43. (1) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh menyenggara suatu pejabat cawangan melainkan jika pejabat cawangan itu—

(a) berada atas nama firmannya sendiri; dan

(b) diuruskan secara berterusan oleh Peguam Syarie itu sendiri atau oleh salah seorang daripada rakan kongsi firmannya.

(2) Pejabat cawangan itu tidak boleh berada dalam pejabat yang sama dengan mana-mana firma Peguam Syarie lain.

(3) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh menjalankan amalan di Wilayah-Wilayah Persekutuan dalam atau sebagai rakan kongsi bagi, lebih daripada satu firma pada satu masa tanpa keizinan Majlis Peguam Syarie.

(4) Seseorang Peguam Syarie tidak boleh menjalankan amalan melainkan jika dia menyenggara suatu firma atau bekerja di mana-mana firma yang berdaftar dengan Majlis Peguam Syarie.

Penggunaan “perunding”

44. Seseorang Peguam Syarie boleh meletakkan namanya sebagai "perunding" pada kepala surat suatu firma Peguam Syarie jika—

(a) dia mempunyai perakuan amalan yang sah yang dikeluarkan di bawah Bahagian IV Akta; dan

(b) dia telah—

(i) menjalankan amalan secara aktif sebagai Peguam Syarie dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan atau di Negeri lain selama tempoh yang tidak kurang daripada dua puluh tahun; atau

(ii) menjalankan amalan secara aktif sebagai Peguam Syarie dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan atau di Negeri lain selama tempoh yang tidak kurang daripada sepuluh tahun dan, sebagai tambahan, telah berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah atau pegawai syariah, atau mana-mana gabungan di atas, selama tempoh yang setelah dijumlahkan dengan tempoh dia menjalankan amalan secara aktif sebagai Peguam Syarie dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan atau di Negeri lain tidak kurang daripada dua puluh tahun.

Dokumen yang difailkan tidak boleh diberikan kepada pihak media sebelum pendengaran

45. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh memberikan kepada pihak media salinan apa-apa dokumen yang difailkan di mahkamah syariah sebelum pendengaran perkara itu di dalam mahkamah terbuka dan tidak boleh dalam apa-apa keadaan memberikan salinan apa-apa dokumen selain dokumen yang dibaca di dalam mahkamah syariah.

Peguam Syarie tidak boleh dikawal atau dieksploitasi

46. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh membenarkan dirinya dikawal atau dieksploitasi oleh mana-mana orang semasa bertindak bagi pihak anak guamnya.

Larangan membuat kenyataan yang menghina Islam

47. Seseorang Peguam Syarie hendaklah memastikan bahawa apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya tidak terjumlah kepada menghina Islam atau mana-mana institusi Islam.

Penggunaan nama firma

48. Seseorang Peguam Syarie tidak boleh membenarkan mana-mana orang yang tidak berkelayakan sebagai Peguam Syarie untuk menggunakan nama firmanya.

Dibuat 11 September 2024

[JAKIM.(S).BUU.600-1/2/11; PN(PU2)764]

DATO' ZAINUL RIJAL BIN ABU BAKAR
Pengerusi Majlis Peguam Syarie

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) ACT 2019

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES)
(PRACTICE AND ETIQUETTE OF *PEGUAM SYARIE*) RULES 2024

ARRANGEMENT OF RULES

Rule

1. Citation and commencement
2. Obligation of *Peguam Syarie*
3. Undertaking to syariah court
4. Duty to give advice
5. *Peguam Syarie* not to accept appointment
6. Prohibition on accepting remuneration in his capacity as member of Parliament, etc.
7. Defence shall be conducted fairly and honourably
8. *Peguam Syarie* when conducting prosecution
9. *Peguam Syarie's* fees
10. Prohibition to conduct case with intention to delay proceedings, etc.
11. Prohibition to ask insulting or annoying questions
12. Questions irrelevant to case not to be asked
13. Duty to uphold interest of client, justice and dignity of profession
14. No deception on syariah court
15. Duty to conduct with candour, courtesy and fairness
16. Facts not be referred
17. Duty to put before syariah court any relevant decision
18. Prohibition to misquote contents of cause paper, etc.
19. Duty to bring to syariah court's attention any proposition of law, etc.
20. Duty to inform syariah court probable length of trial and possibility of settlement
21. *Peguam Syarie* shall be ready for trial
22. Duty to disclose all circumstances to client
23. *Peguam Syarie* not to mislead
24. Restriction on appearance
25. *Peguam Syarie* not to testify on behalf of client

Rule

26. Special robes for *Peguam Syarie*
27. Duty to uphold dignity of profession
28. Client's feeling not to influence conduct of *Peguam Syarie*, etc.
29. Another party and his witnesses shall be treated with fairness and consideration
30. *Peguam Syarie* may interview witnesses for another party
31. Duty not to abuse confidence reposed by client
32. Duty to prevent client from wrongful conduct towards syariah court, etc.
33. Restriction on standing as surety, etc.
34. Prohibition to communicate with person represented by another *Peguam Syarie*
35. Stir up strife and litigation are prohibited
36. Prohibition to actively carry on any trade
37. Soliciting reporting
38. Touting
39. No division of costs or profits, etc.
40. Prohibition to appear for party represented by another *Peguam Syarie*
41. *Peguam Syarie's* lien
42. Objection to admissibility of insufficiently stamped documents
43. No branch office without *Peguam Syarie*
44. Use of "consultant"
45. Documents filed not to be furnished to press before hearing
46. *Peguam Syarie* not to be controlled or exploited
47. Prohibition of making statements insulting Islam
48. Use name of firm

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES) ACT 2019

SYARIE LEGAL PROFESSION (FEDERAL TERRITORIES)
(PRACTICE AND ETIQUETTE OF *PEGUAM SYARIE*) RULES 2024

IN exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the *Syarie* Legal Profession (Federal Territories) Act 2019 [Act 814], the *Majlis Peguam Syarie*, with the approval of the Minister, makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the ***Syarie* Legal Profession (Federal Territories) (Practice and Etiquette of *Peguam Syarie*) Rules 2024**.

(2) These Rules come into operation on 27 September 2024.

Obligation of *Peguam Syarie*

2. (1) A *Peguam Syarie* shall, at all times, act honestly and in the interest of justice and use reasonable diligence in the discharge of his duties.

(2) A *Peguam Syarie* shall strive to enhance and increase knowledge on *Hukum Syarak* and laws to ensure that his duties shall be performed efficiently and effectively.

(3) A *Peguam Syarie* shall maintain a respectful attitude towards the syariah court.

Undertaking to syariah court

3. A *Peguam Syarie* is obliged to—

(a) comply with any of his undertaking to the syariah court; and

(b) in so far as it is within his control, ensure that his client complies with any undertaking of his client to the syariah court.

Duty to give advice

4. A *Peguam Syarie* who has accepted any appointment on his capacity as a *Peguam Syarie* has a duty to give advice on the matter to which the appointment relates subject to professional fee agreed with the client.

***Peguam Syarie* not to accept appointment**

5. (1) A *Peguam Syarie* shall not accept any appointment if—

(a) the appointment would cause the *Peguam Syarie* embarrassment due to—

(i) the confidential information related to the matter has in his possession as a result of his previous representation of another client in the same matter; or

(ii) the *Peguam Syarie* has personal relationship with any party or witness in the proceedings;

(b) the *Peguam Syarie* knows or has reason to believe that his professional conduct is likely to be impugned; or

(c) such acceptance renders or would render it difficult for the *Peguam Syarie* to maintain his professional independence or against the best interest of the administration of justice.

(2) A *Peguam Syarie* who at any time has accepted appointment, advised or acted for a party with regards to institution of any suit, appeal or other proceedings, prosecution or defence, shall not act for the opposite party in the suit, appeal, other proceedings, prosecution or defence.

(3) A *Peguam Syarie* shall not accept any appointment unless he is reasonably certain of being able to appear and represent the client on the day he is required to appear.

(4) A *Peguam Syarie*, who has accepted the appointment from a client, shall not withdraw from acting for the client without reasonable cause.

Prohibition on accepting remuneration in his capacity as Members of Parliament, etc.

6. (1) A *Peguam Syarie* shall not accept any remuneration, other than the remuneration and allowances to which he is entitled as a Member of Parliament under the Members of Parliament (Remuneration) Act 1980 [Act 237] or as a Member of any State Assembly under any State enactment, for anything he does in his capacity as a Member of Parliament or State Assembly.

(2) *Peguam Syarie* shall not, without written consent of the *Majlis Peguam Syarie*, hold the position of an executive director or executive secretary of a company.

Defence shall be conducted fairly and honourably

7. A *Peguam Syarie* who conducts a defence in a syariah criminal case shall, fairly and honourably, present every defence permitted in accordance with the law.

***Peguam Syarie* when conducting prosecution**

8. When authorized to conduct a syariah criminal prosecution, a *Peguam Syarie*—

(a) shall do so with the intention of upholding justice for the victim while respecting the rights of the accused; and

(b) shall not suppress any material or evidence capable of establishing the innocence of the accused.

***Peguam Syarie's* fees**

9. In determining the amount of fee for *Peguam Syarie*, a *Peguam Syarie* shall have regard to all relevant circumstances, and in particular to—

(a) the labour, skill, specialized knowledge and responsibility required of, and the time and labour expended by, the *Peguam Syarie*;

- (b) the complexity of the cause or matter in which it arises and the difficulty or novelty of the question involved;
- (c) whether such appointment will preclude his appearance for other matters or cases which he has a reasonable prospect of being appointed;
- (d) the number and importance of the documents prepared or perused;
- (e) the customary charges of the profession for similar services;
- (f) where money or property is involved, its amount or value;
- (g) the benefit and importance of the cause or matter to the client;
- (h) the nature of the job, whether casual or for a well-known client; and
- (i) the special position or seniority of the *Peguam Syarie*.

Prohibition to conduct case with intention to delay proceedings, etc.

10. A *Peguam Syarie* shall not conduct a case which is intended merely to delay proceedings or to harass or annoy the opposite party.

Prohibition to ask insulting or annoying questions

11. A *Peguam Syarie* shall not ask any question which is intended to insult or annoy in any proceedings and shall exercise his own judgment as to the substance and form of the questions to be asked.

Questions irrelevant to case not to be asked

12. A *Peguam Syarie* shall not—

- (a) ask a question which affect the credibility of the person who gave evidence by injuring his character which is irrelevant to the case unless the *Peguam Syarie* has reasonable grounds for thinking that the imputation is

well-founded and true; and

- (b) ask a question which relates to matters so remote in time or of such a character that it would not materially affect the credibility of a person.

Duty to uphold interest of client, justice and dignity of profession

13. A *Peguam Syarie* appearing before the syariah court shall act fearlessly to uphold the interests of his client, justice, and the dignity of the profession regardless of any unpleasant consequences for himself or others.

No deception on syariah court

14. A *Peguam Syarie* shall not practice any deception on the syariah court.

Duty to conduct with candour, courtesy and fairness

15. A *Peguam Syarie* appearing before the syariah court shall have the duty to conduct with candour, courtesy and fairness towards the syariah court and the other *Peguam Syarie*.

Facts not to be referred

16. When conducting a case in the syariah court, a *Peguam Syarie* shall not refer to any facts in the case which cannot be proven.

Duty to put before syariah court any relevant decision

17. A *Peguam Syarie* shall put before the syariah court any relevant decision of which he is aware, whether it be for or against his contention, particularly in *ex-parte* proceedings.

Prohibition to misquote contents of cause paper, etc.

18. A *Peguam Syarie* shall not—

- (a) knowingly misquote the contents of a cause paper or document, the testimony of a witness, the argument of *Peguam Syarie* of another party or the language of a decision or textbook;

- (b) with knowledge of its invalidity, cite as authority a decision which has been decided otherwise by a higher syariah court or a law which has been amended or declared as invalid; or
- (c) deceives syariah court or *Peguam Syarie* of another party by concealing or withholding in his opening speech positions upon which he intends to rely.

Duty to bring to syariah court's attention any proposition of law, etc.

19. (1) Where a *Peguam Syarie*, at any time after the witnesses have concluded their evidence and the *Peguam Syarie* has concluded his case while judgment is reserved, discovers a proposition of law or a decision of law which is relevant to the case, the *Peguam Syarie* shall bring the matter to the syariah court's attention by a notification in writing.

(2) A copy of the notification referred to in subrule (1) shall also be sent to the *Peguam Syarie* representing the other party to the proceeding for him to comment, if necessary.

Duty to inform syariah court probable length of trial and possibility of settlement

20. A *Peguam Syarie* shall inform the syariah court information as to the probable length of trial for a case and the possibility of a settlement.

***Peguam Syarie* shall be ready for trial**

21. (1) A *Peguam Syarie* shall make effort to be ready for trial on the fixed day.

(2) A *Peguam Syarie* shall not apply for the postponement of a case fixed for trial unless—

- (a) the *Peguam Syarie* has served a notice of intention to make the application on the other party or the *Peguam Syarie* representing the other party to the proceeding at least forty-eight hour before the trial date; and

(b) the application is made with good and cogent reasons.

Duty to disclose all circumstances to client

22. A *Peguam Syarie* shall, when appointed by the client, disclose all the circumstances of his relation to the parties, and any interest in connection with the case or matter, which may influence the client in the selection of counsel.

***Peguam Syarie* not to mislead**

23. While conducting proceedings in syariah court, a *Peguam Syarie* shall not conceal any fact or evidence or make any statement which may tend to mislead the syariah court or any party to the proceedings.

Restriction on appearance

24. (1) A *Peguam Syarie* shall not appear in any case or matter in which—

(a) he is directly having any interest, pecuniary or otherwise; or

(b) unless permitted by the syariah court, he has reasonable cause to believe that he has a potential to become a witness in respect of a material and disputed question of fact.

(2) A *Peguam Syarie* shall not appear before a syariah court which exercises its appellate, supervisory or revisionary jurisdiction in respect of the case referred to in paragraph (1)(b).

(3) This rule shall not prevent a *Peguam Syarie* from swearing or affirming an affidavit as to formal or undisputed facts in matters in which he acts or appears.

***Peguam Syarie* not to testify on behalf of client**

25. A *Peguam Syarie* appearing in any cause shall not, unless permitted by the syariah court, testify on behalf of his client in that cause.

Special robes for *Peguam Syarie*

26. (1) A *Peguam Syarie* who appears in person as a party or who is in the witness box shall not wear special robes for *Peguam Syarie*.

(2) A *Peguam Syarie* shall not wear special robes for *Peguam Syarie* in public places other than in syariah court or whilst travelling to or from syariah court except on such ceremonial occasions and at such places as the *Majlis Peguam Syarie* or the syariah court may determine.

Duty to uphold dignity of profession

27. Every *Peguam Syarie* shall at all times uphold the dignity and reputation of the profession.

Client's feeling not to influence conduct of *Peguam Syarie*, etc.

28. A *Peguam Syarie* shall not allow the feeling of his clients to influence his conduct and demeanour towards his client or towards the parties and witnesses in a case.

Another party and his witnesses shall be treated with fairness and consideration

29. A *Peguam Syarie* shall treat another party and his witnesses with fairness and consideration and shall not be influenced by the malevolence or prejudices of a client in the conduct of a case.

***Peguam Syarie* may interview witnesses for another party**

30. (1) A *Peguam Syarie* may interview any witness or prospective witness for the opposing party in any civil or syariah criminal matter without consent of the opposing party or his *Peguam Syarie* provided that a notice of such interview is given to the opposing party or his *Peguam Syarie* prior to the interview.

(2) In conducting the interview referred to in subrule (1), the *Peguam Syarie* shall avoid any suggestion calculated to induce the witness to suppress or deviate from the truth.

Duty not to abuse confidence reposed by client

31. (1) A *Peguam Syarie* shall not abuse or take advantage of the confidence reposed by the client for his personal interest or gain.

(2) A *Peguam Syarie* shall preserve his client's confidence and this duty shall remain regardless of the fact that the *Peguam Syarie* is no longer representing the client.

Duty to prevent client from wrongful conduct towards syariah court, etc.

32. (1) A *Peguam Syarie* shall take all reasonable efforts to prevent his client from doing things which the *Peguam Syarie* himself ought not to do, particularly in respect of the conduct of his client towards syariah court and judicial officers, witnesses and parties.

(2) Where a client persists in such wrong doing referred to in subrule (1), the *Peguam Syarie* shall terminate the *Peguam Syarie* and client relationship.

Restriction on standing as surety, etc.

33. A *Peguam Syarie* shall not stand as a surety or bailor for his client required for the purpose of any legal proceedings.

Prohibition to communicate with person represented by another *Peguam Syarie*

34. A *Peguam Syarie* shall not communicate with a person upon any matter in respect of that person, which to his knowledge, is represented by another *Peguam Syarie* except with the consent of, and in the presence of, that other *Peguam Syarie*.

Stir up strife and litigation are prohibited

35. A *Peguam Syarie* shall not give advice to bring an action or to stir up strife and litigation.

Prohibition to actively carry on any trade

36. (1) A *Peguam Syarie* shall not actively carry on any trade which is declared by the *Majlis Peguam Syarie* from time to time as unsuitable for a *Peguam Syarie* to engage in or be an active partner or a salaried officer in connection with such trade.

(2) A *Peguam Syarie* shall not be a full-time salaried employee of any person or firm, other than as a *Peguam Syarie* or firm of *Peguam Syarie*, or corporation so long as the *Peguam Syarie* continues to practise as a *Peguam Syarie*.

(3) Any *Peguam Syarie* who takes up an employment referred to in subrule (2) shall notify the *Majlis Peguam Syarie* of such fact and shall take steps to cease to practise as a *Peguam Syarie* if he continues in such employment.

(4) Notwithstanding this rule, a *Peguam Syarie* shall not be prohibited from practising as an advocate and solicitor while he is practising as a *Peguam Syarie*.

Soliciting reporting

37. (1) A *Peguam Syarie* shall not solicit the reporting of any matter in which he has been professionally engaged.

(2) Notwithstanding subrule (1), a *Peguam Syarie* may consider and revise reports of cases in which he has been professionally employed so as to ensure the correctness of the report.

Touting

38. A *Peguam Syarie* shall not do or cause or allow to be done anything for the purpose of touting directly or indirectly, or which is calculated to suggest that it is done for that purpose.

No division of costs or profits, etc.

39. (1) A *Peguam Syarie* shall not—

(a) divide or agree to divide costs received or the profits of his business with any unqualified person;

(b) pay, give, agree to pay or agree to give any commission, gratuity or valuable consideration to any unqualified person to procure or use his influence to procure or for having procured or used his influence to

procure any legal business; or

- (c) accept or agree to accept less than the scale fees laid down by law in respect of non-contentious business carried out by him except for any special reason where no charge at all is made.

(2) Paragraph (1)(b) does not prohibit the payment of ordinary bonuses to staff.

Prohibition to appear for party represented by another *Peguam Syarie*

40. Where in any matter or proceeding, the name of any *Peguam Syarie* or the name of his firm appears on the records representing any party, or a *Peguam Syarie* is known to be acting for a party in a matter whether in a syariah court or not, no other *Peguam Syarie* shall knowingly agree to appear or to act or continue to appear or to act for such party in such matter or proceeding.

***Peguam Syarie's* lien**

41. Except for the purpose of securing payment of his previous lien, a *Peguam Syarie* shall not withhold the client's papers to the detriment of the client.

Objection to admissibility of insufficiently stamped documents

42. A *Peguam Syarie* shall not object to the admissibility of any document on the ground that it is not or not sufficiently stamped unless such objection relates to the essence of the subject matter or the suit.

No branch office without *Peguam Syarie*

43. (1) A *Peguam Syarie* shall not maintain a branch office unless such branch is—

- (a) in the name of his own firm; and

- (b) continuously manned by the *Peguam Syarie* himself or one of the partners in his firm.

(2) The branch office shall not be in the same office as that of any other firm of *Peguam Syarie*.

(3) A *Peguam Syarie* shall not practise in the Federal Territories in or as a partner of, more than one firm at one time without the consent of the *Majlis Peguam Syarie*.

(4) A *Peguam Syarie* shall not practise unless he maintains a firm or is employed in any firm registered with the *Majlis Peguam Syarie*.

Use of “consultant”

44. A *Peguam Syarie* may have his name appear as “consultant” on the letterhead of a firm of *Peguam Syarie* if—

(a) he has a valid practising certificate issued under Part IV of the Act; and

(b) he has been—

(i) in active practice as *Peguam Syarie* in the Federal Territories or other States for a period of not less than twenty years; or

(ii) in active practice as *Peguam Syarie* in the Federal Territories or other States for a period of not less than ten years and, in addition, has served as a Judge of the Syariah High Court, Judge of the Syariah Court of Appeal or syariah officer, or any combination of the above, for a period which aggregated with the period of his active practice as *Peguam Syarie* in the Federal Territories or other States of not less than twenty years.

Documents filed not to be furnished to press before hearing

45. A *Peguam Syarie* shall not furnish to the press copies of any document filed in syariah court before the hearing of the matter in open court and shall not in any event furnish copies of any document other than documents read in syariah court.

Peguam Syarie not to be controlled or exploited

46. A *Peguam Syarie* shall not permit himself to be controlled or exploited by any person in acting for his client.

Prohibition of making statements insulting Islam

47. A *Peguam Syarie* shall ensure that any statement made by him does not amount to insulting Islam or any Islamic institution.

Use name of firm

48. A *Peguam Syarie* shall not allow any person who is not qualified as a *Peguam Syarie* to use the name of his firm.

Made 11 September 2024
[JAKIM.(S).BUU.600-1/2/11; PN(PU2)764]

DATO' ZAINUL RIJAL BIN ABU BAKAR
Chairman of the Majlis Peguam Syarie